

U B589 BAH
MAHATHIR - PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 10 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PENUBUHAN SATU PAKATAN YANG DINAMAKAN +GAGASAN RAKYAT+, OLEH LIMA PARTI PEMBANGKANG, MEMANG TELAH DIJANGKAKAN KERANA SUDAH MENJADI SIFAT PEMBANGKANG SUKA BERUBAH CAKAP.

+MEMANG KITA JANGKAKAN MEREKA BERBUAT BEGITU...CAKAP DUA BAHASA, TIGA BAHASA DENGAN ORANG LAIN,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN MAJALAH +KHIDMAT+ KELUARAN BERSAMA MAMPU DAN BERITA PUBLISHING DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA PAS, UMPAMANYA CUBA UNTUK MEMBERITAHU MASYARAKAT CINA BAHAWA IA HENDAK MENGGUGURKAN PERKATAAN +NEGARA ISLAM+ DARIPADA MANIFESTONYA TETAPI MALANG BAGI PAS KERANA BERITA ITU JUGA KELUAR DALAM AKHBAR BERBAHASA MALAYSIA, DAN PARTI ITU CUBA PULA HENDAK MENAFIKANNYA.

+JADI PERKARA SEMACAM INI AKAN BERLAKU SEPANJANG PILIHANRAYA INI (DI KALANGAN PEMBANGKANG),+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA PERCANGGAHAN DAN PERBEZAAN CAKAP ANTARA KUMPULAN DENGAN KUMPULAN AKAN BERTERUSAN DALAM TEMPOH PILIHAN RAYA INI.

SEMANGAT 46, DAP, BARISAN KEMAJUAN INDIA SEMALAYSIA (IPF), PARTI RAKYAT MALAYSIA (PRM) DAN PARTI SETIAKAWAN MALAYSIA (MSP), HARI INI BERSETUJU UNTUK MENUBUHKAN +GAGASAN RAKYAT+, PAKATAN YANG BERTUJUAN MENUMBANGKAN BARISAN NASIONAL (BN) PADA PILIHAN RAYA UMUM INI. -- LAGI

1949MST 10 10 90

U B590 BAH
MAHATHIR - PEMBANGKANG 2 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA MENGENAI PENGGUGURAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN MIC, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA DALAM SETIAP PILIHAN RAYA MEMANGLAH ADA PERUBAHAN CALON-CALON.

+SAMA JUGA SEPERTI DAHULU IAITU APABILA MEREKA (YANG DIGUGURKAN ITU) MENJADI CALON, ADA ORANG LAIN YANG GUGUR (UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA MEREKA). MAKA SEKALI INI GILIRAN DIA PULA,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN DI ATAS PERKHIDMATAN MEREKA DAN KESEDIAAN MEREKA MEMBERI LALUAN KEPADA CALON-CALON BARU.

+SAYA MERASA AMAT SUKACITA KERANA MEREKA MENERIMA INI DENGAN BAIK.+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM DAPAT BERJUMPA DENGAN TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, DATUK S.SUBRAMANIAM YANG SEMALAM MENYATAKAN HASRATNYA UNTUK MENEMUI PERDANA MENTERI MENGENAI KEDUDUKANNYA DALAM KERAJAAN EKORAN PENGGUGURANNYA DARIPADA SENARAI CALON MIC BAGI PILIHAN RAYA UMUM INI.

+SAYA AKAN BERJUMPA DENGANNYA KEMUDIAN.+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

-- BERNAMA